

# Program Hari Terbuka Kolej Kediaman Tun Fuad 2019

UB 31-10-2019 15

## KOTA KINABALU:

Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Fuad sesi 2018/2019 menganjurkan Program Hari Terbuka Kolej Kediaman Tun Fuad 2019 (HTKKTF'19) pada 18 hingga 20 Oktober lepas.

Ia adalah platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara residen kolej kediaman Tun Fuad dan warga kampus Universiti Malaysia Sabah.

Program ini juga terdapat aktiviti-aktiviti menarik yang bercorakkan ke-masyarakat dan pertandingan yang mampu memberikan pelbagai maklumat serta manfaat yang berguna kepada mahasiswa yang terlibat sepanjang program ini berlangsung.

Sebanyak 11 pertandingan dan aktiviti yang dilaksanakan merangkumi keusahawanan, kesihatan, kesukanan, pameran dan ceramah serta hiburan.

Antara pertandingan dan aktiviti yang telah berlangsung adalah pertandingan mewarna, pertandingan E-Games, seminar Mary Kay, pertandingan badminton, Bengkel Photoshop, seminar kerjaya, pertandingan bola jaring, street soccer, pertandingan nasyid dan Busking, RunningMan, Pertandingan The Voice dan tarian tradisional.

Pada 18 Oktober, pertandingan mewarna yang terdiri daripada peserta kanak-kanak Tadika Pusat Minda Lestari Universiti Malaysia Sabah dan diiringi tiga guru pengiring berlangsung dengan jayanya di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad. Adik



**BERGAMBAR:** Sesi bergambar bersama JAKMAS serta tetamu jemputan, C.K Choong, Talib dan Aw Kee Kong.

Pertandingan bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 12 tengah hari.

Pemenangnya ialah Luyrira Butiya tempat pertama, diikuti adik Adeela Dania (tempat kedua) dan adik Qaleesya (tempat ketiga).

Seminar Mary Kay dan pertandingan E-Games (HTKKTF'19) berlangsung dengan serentak iaitu pada jam 2 petang sehingga 6 petang.

Seramai 29 peserta menyertai seminar dan diberi pendedahan kepada penjagaan kulit wajah serta penerangan tentang kerjaya bersama Mary Kay manakala E-Games merangkumi dua permainan yang dipertandingkan dalam masa yang sama iaitu Pro Evolution Soccer 2019 dan Mobile Legends.

Kedua-dua permainan berjalan dengan lancar dengan sokongan jitu yang ditunjukkan oleh warga Kolej Kediaman Tun Fuad.

Pemenang-pemenang PES 2019, ialah Anthony (pertama), saudara Rosa (kedua) dan saudara Jefrey (ketiga) serta pemenang bagi Mobile Legends iaitu pasukan Epic Abadi (pertama)

ma) diikuti oleh KL Squad (kedua) dan Mabuhay (ketiga).

Enam aktiviti dan pertandingan berlangsung pada 19 Oktober, salah satunya adalah pertandingan badminton, kategori individu (empat peserta) dan kategori beregu (empat kumpulan) diadakan pada jam 8 pagi sehingga 12 tengah hari.

Hasil daripada keputusan pemenang bagi kategori individu ialah Muhammad Zulhelmi Razali (pertama), Aszili Basri (kedua), Asyraf Izham Amistari (ketiga) dan Muhd Rusyaidi Joseph (keempat). Manakala pemenang-pemenang bagi kategori beregu jatuh kepada Muhammad Zulhelmi Razali, Aszili bin Basri (pertama), Joberson Dumaning, Donny Onisogit (kedua), Muhammad Adam Syazwan Abdullah, Muhammad Naqiuddin Abd Rahman (ketiga) serta Asyraf Izhan Amistari, Muhd Rusyaidi Joseph (keempat).

Seterusnya, Street Soccer, bengkel Photoshop dan pertandingan bola jaring berjalan serentak pada jam 2 petang sehingga

6 petang dalam Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Fuad. Sebanyak empat buah kumpulan menyertai pertandingan Street Soccer.

Aktiviti ini memberi peluang kepada semua peserta bukan sahaja daripada residen KKTF malah turut disertai residen kolej kediaman lain bagi memeriahkan Hari Terbuka Kolej Kediaman Tun Fuad 2019.

Pemenang-pemenang bagi aktiviti ini iaitu Tiada Nama FC (pertama), Joker FC (kedua) dan 3M 2L FC (ketiga). Bengkel Photoshop pula disertai seramai 23 peserta iaitu disampaikan oleh Ramdan Salleh Nain dari pereka Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat dengan harapan dapat menimba ilmu dalam menggunakan aplikasi Photoshop.

Pertandingan bola jaring 3 On 3 terbuka khusus kepada semua residen perempuan KKTF.

Berikut adalah keputusan akhir pertandingan ini, Koneta (pertama), Spectra (kedua) dan The Ultimate 3 (ketiga). Kolej Kediaman Tun Fuad mengucapkan tahniah kepada peserta-

peserta yang terlibat yang secara tidak langsung telah menonjolkan bakat mereka dalam pertandingan ini.

Selain itu, seminar kerjaya yang berlangsung di bilik seminar dewan serba guna KKTF turut memberi impak positif dan manfaat kepada 36 peserta yang menyertai seminar ini iaitu disampaikan oleh Pegawai Psikologi Universiti Malaysia Sabah Nurul Fatiha Firdaus Roslan, dengan memberi ilmu mengenai perancangan kerjaya di masa akan datang.

Pertandingan Busking dan nasyid merupakan antara aktiviti yang mendapat sambutan hangat sepanjang Hari Terbuka KKTF 2019 dianjurkan dimana bukan sahaja disertai residen KKTF malah turut disertai residen kolej kediaman lain seperti Tun Mustapha dan Excellent, berlangsung dengan jayanya di kafe KKTF bermula jam 7.00 malam sehingga 10.30 malam.

Dua buah kumpulan bertanding dalam kategori nasyid manakala lima buah kumpulan menyertai pertandingan busking dengan jumlah penyertaan sebanyak lapan kumpulan. Hasil keputusan daripada panel juri yang berpengalaman, dua kumpulan menjadi juara bagi setiap kategori.

Kumpulan Wardatul Jannah berjaya menyandang tempat pertama dalam pertandingan nasyid manakala busking Tun Fuad pula berjaya menjadi juara dalam pertandingan busking.

Pada 20 Oktober, RunningMan berjalan dengan lancar bermula 8 pagi sehingga 12 tengah hari.

Terdapat empat kumpulan menyertai pertandingan ini dan menyelesaikan cabaran serta aktiviti yang disediakan antaranya meniup bola pingpong dari gelas ke satu gelas lain, membuat gaya mimik mengikut arahan yang diberi, memindahkan getah tanpa dipegang dan banyak lagi.

Program bertujuan merapatkan silaturahim dan meningkatkan kerjasama antara ahli kumpulan serta kumpulan-kumpulan yang lain.

Keputusan akhir pertandingan ini adalah Bluetick (pertama), Kita Member (kedua), D's (ketiga) dan Barihat Mantul (keempat).

Aktiviti malam kemuncak yang ditunggu-tunggu iaitu The Voice peringkat akhir yang berlangsung pada jam 7.30 malam dan seramai lima peserta yang berjaya pada pusingan saringan The Voice yang lepas iaitu pada 18 Oktober 2019, dan empat kumpulan tarian bertanding dalam final ini.

Pada pusingan saringan yang lepas, seramai 18 peserta masing-masing mewakili Kolej Kediaman Tun Fuad, Tun Mustapha dan Excellent. Lima peserta yang bertanding adalah Ag. Mohd Harith Ab. Manan, Adelita Quintalina Cosmas, Munirah binti Norman, Mecly Momin dan Kenddyn Nakolas.

Pertandingan akhir The Voice dimenangi Kenddyn Nakolas (pertama), Adelita Quintalina Cosmas (kedua), Ag. Mohd Harith Ab. Manan (ketiga), Mecly Momin (keempat) dan Munirah binti Norman (kelima).